

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT
BELAS TAHUN 2020

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian akan menyiasat tuduhan perkauman yang serius terhadap pelajar dan kakitangan dari Afrika di Universiti Lim Kok Wing yang telah dilaporkan secara meluas dalam media sosial dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi 'reputasi' sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap aduan yang diterima berkaitan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terutama sekali yang melibatkan kepentingan dan kebajikan pelajar antarabangsa. Dalam hal ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius berhubung dengan tuduhan perkauman terhadap pengurusan Universiti Teknologi Kreatif LimKokWing (LUCT) yang tular di laman sosial.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak LUCT. Walaupun pihak LUCT telah membuat permohonan maaf, namun pihak Kementerian masih meneruskan siasatan bagi memastikan nama dan imej negara sentiasa terjamin.

Kementerian tidak akan berkompromi dalam isu yang melibatkan perkauman dan akan memastikan semua aduan berkaitan perkara ini diselesaikan. Seksyen 89 (1) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) juga dengan jelas menyatakan bahawa keanggotaan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa mengira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas. Pihak Kementerian boleh mengenakan tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak termasuk pengurusan IPTS yang didapati bersalah dalam isu bersifat perkauman dan seumpamanya.

Semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) perlu memberi fokus kepada penawaran program pengajian yang berkualiti. IPTS juga memainkan peranan dalam membantu negara mempromosikan pendidikan tinggi swasta dengan menonjolkan *branding* dan imej negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.